

30/03/1998

Dr Mahathir yakin ekspedisi berjaya

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara dengan melahirkan keyakinan ia mencapai kejayaan menerusi semangat 'Malaysia Boleh'.

Sambil menganggap ekspedisi itu sebagai 'amat berbahaya', Perdana Menteri berharap anggota kumpulan berkenaan akan membuat persediaan sebaik mungkin bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"Saya yakin rakyat Malaysia menunggu peristiwa ini, dan mereka tentu akan berbangga kerana sekali lagi kita akan menguji setakat mana 'Malaysia Boleh'.

"Saya yakin Malaysia Boleh, tetapi rakyat ingin melihat usaha ini mencapai kejayaan, dan saya yakin mereka akan mencapai kejayaan," katanya pada majlis pelancaran ekspedisi berkenaan di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Sungai Besi di sini.

Ekspedisi merangkumi 16 penerjun termasuk seorang wanita itu membabitkan terjun bebas dari ketinggian 4,000 meter untuk memacakkan Jalur Gemilang di Kutub Utara pada jam 7 pagi 18 April ini. Turut sama dilepaskan dari udara ialah sebuah Proton Wira.

Perdana Menteri yang turut bertindak sebagai penaung ekspedisi itu, menasihati anggota kumpulan berkenaan supaya berhati-hati kerana kawasan yang dipilih itu dianggap kawasan berbahaya kerana terlalu sejuk.

Beliau berharap penerjun negara sentiasa beringat bahawa apa yang akan mereka lakukan bukanlah satu 'permainan' walaupun ia nampak mudah.

"Kita tahu kita menghadapi bahaya, dan kita tidak boleh meringankan ekspedisi ini dan cara kita melakukan terjun berkenaan. Saya berharap semua peserta beringat bahawa ini bukan mainan, walaupun kelihatan mudah," katanya.

(END)